



8 September 2021  
8 September 2021  
P.U. (A) 357

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (PELABUHAN PASIR GUDANG) (SKALA CAJ) (PINDAAN) 2021

### *JOHOR PORT AUTHORITY (PASIR GUDANG PORT) (SCALE OF CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR  
(PELABUHAN PASIR GUDANG) (SKALA CAJ) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16, 17A dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Johor, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Pasir Gudang) (Skala Caj) (Pindaan) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 9 September 2021.

**Pindaan undang-undang kecil 3**

2. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Pasir Gudang) (Skala Caj) 2011 [*P.U. (A) 175/2011*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 3—

(a) dengan memasukkan selepas subperenggan (i) subperenggan yang berikut:

“(ia) dius Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga;”;

(b) dalam subperenggan (q)—

(i) dengan memotong perkataan “tambahan”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(c) dalam subperenggan (r), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperenggan (r) subperenggan yang berikut:

“(s) caj pengendalian pindah kapal bagi Kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO.”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 4**

3. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (2)(b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(b) dalam subperenggan (2)(c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (2)(c) subperenggan yang berikut:

“(d) dius pelabuhan.”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 8**

4. Perenggan 8(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan 8(1)(b) dengan subperenggan yang berikut:

“(b) menghimpit, meninggalkan himpitan atau menganjakkan sesuatu vesel di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga;”;

(b) dalam subperenggan (c), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(ca) membantu atau menganjakkan sesuatu vesel bagi tujuan simpan tunggu;

(cb) membantu atau menganjakkan atau menghimpit, atau meninggalkan himpitan atau menunda atau mengiringi pelantar minyak, kapal mati, kapal yang drafnya melebihi 12 meter, kapal berbentuk tidak teratur atau lain-lain di dermaga Lembaga atau di jeti persendirian atau dalam Pelabuhan atau bagi tujuan simpan tunggu;

(cc) membantu atau menganjakkan atau menghimpit, atau meninggalkan himpitan atau menunda atau mengiringi semua vesel yang terlibat dalam urusan aktiviti penyelamatan; atau”.

### **Pindaan undang-undang kecil 11**

5. Undang-undang kecil 11 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (1)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “penumpang” perkataan “di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga”;

(b) dalam subperenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “atau suatu himpitan” dengan perkataan “, suatu himpitan atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga”; dan

(c) dengan memotong perenggan (4) dan (5).

### **Undang-undang kecil baharu 12A**

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 12 undang-undang kecil yang berikut:

#### **“Dius Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga**

12A. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga dius tempat berlabuh bagi sesuatu vesel di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11A Jadual Pertama.”

### **Pindaan undang-undang kecil 17**

7. Undang-undang kecil 17 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “kenderaan” perkataan “(termasuk pemandu)”;

(b) dalam subperenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “kargo” perkataan “(termasuk pemandu dan traktor terminal)”; dan

(c) dalam subperenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “kontena” perkataan “(termasuk pemandu dan traktor terminal)”.

### **Pindaan undang-undang kecil 19**

8. Undang-undang kecil 19 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (2)—

(i) dengan memotong perkataan “KMK” di mana-mana jua terdapat;

(ii) dengan memotong perkataan “KMP” di mana-mana jua terdapat;

(iii) dalam subsubperenggan (2)(c)(i) dan (2)(d)(ii) masing-masing dengan memotong perkataan “, tongkang atau baj”; dan

- (iv) dengan memotong subperenggan (2)(e), (f), (g) dan (h); dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:
  - “(4) Caj pengendalian di bawah perenggan (1) hendaklah termasuk perkhidmatan pengikat.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 20**

9. Undang-undang kecil 20 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “tambahan”;
- (b) dalam subperenggan (1)(a) dan (1)(b) masing-masing, dengan memotong perkataan “atau kren vesel”;
- (c) dalam subperenggan (1)(c) dan (d) masing-masing, dengan memasukkan selepas perkataan “dengan menggunakan” perkataan “kren Pelabuhan atau”; dan
- (d) dalam subperenggan (1)(e), dengan memasukkan selepas perkataan “penutup hac” perkataan “atau kotak gear”.

### **Undang-undang kecil baharu 21A**

10. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 21 undang-undang kecil yang berikut:

#### **“Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO pindah kapal**

21A. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO pindah kapal dengan menggunakan kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 32 Jadual Pertama.

(2) Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO pindah kapal hendaklah termasuk—

(a) pemungghahan kontena dari vesel pertama dengan menggunakan kren Pelabuhan dan penyusunan di tempat simpanan kontena; dan

(b) pemungghahan kontena dari tempat simpanan kontena dan memuatkan ke atas vesel kedua dengan menggunakan kren Pelabuhan.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 22**

11. Undang-undang kecil 22 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (a) hingga (f) dengan subperenggan yang berikut:

“(a) caj perkhidmatan pemindahan;

(b) caj penyimpanan bagi kargo pukal dan pecah pukal;

(c) caj perkhidmatan dermaga di dermaga yang dikendalikan secara persendirian;

(d) caj pengendalian bagi kargo pukal kering, kargo pecah pukal dan kargo pukal cecair; dan

(e) caj pengendalian import atau eksport bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO.”.

### **Pemotongan undang-undang kecil 23 dan 24**

12. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 23 dan 24.

### **Penggantian undang-undang kecil 28**

13. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 28 dengan undang-undang kecil yang berikut:

#### **“Caj pengendalian bagi kargo pukal kering, kargo pecah pukal dan kargo pukal cecair**

28. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kepada Lembaga bagi menggunakan kelengkapan pengendalian kargo pukal dalam mengendalikan—

- (a) kargo pukal kering dan pecah pukal pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Kedua; dan
- (b) kargo pukal cecair pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Kedua.

(2) Caj pengendalian di bawah perenggan (1) hendaklah termasuk mana-mana perkhidmatan dermaga yang berikut, mengikut mana-mana yang berkenaan:

- (a) penerimaan atau penghantaran apa-apa kargo secara terus di dermaga;
- (b) pemindahan apa-apa kargo dari dermaga ke gudang atau tempat simpanan terbuka untuk penyimpanan dan penghantaran kepada penerima konsain; atau
- (c) penerimaan apa-apa kargo daripada kapal ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka bagi penyimpanan dan pemindahan kargo itu ke dermaga untuk dimuatkan ke atas vesel.”



**Undang-undang kecil baharu 28A**

14. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 28 undang-undang kecil baharu yang berikut:

**“Caj pengendalian import atau eksport bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO**

28A. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga caj pengendalian import atau eksport bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO dengan menggunakan kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 16 Jadual Kedua.”.

**Pindaan undang-undang kecil 29**

15. Undang-undang kecil 29 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “penimbang” dengan perkataan “penimbangan”; dan

(b) dengan memotong subperenggan (b), (e), (f) dan (j).

**Pindaan undang-undang kecil 30**

16. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 30 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“Caj jambatan timbang dan penimbangan**

30. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga caj jambatan timbang dan penimbangan bagi penggunaan jambatan timbang pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Ketiga.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 31**

17. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 31.

**Pindaan undang-undang kecil 32**

18. Undang-undang kecil 32 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(c) dan perenggan (10) masing-masing, dengan menggantikan perkataan “butiran 3” dengan perkataan “butiran 4”;
- (b) dalam perenggan (11), dengan menggantikan perkataan “jika dibenarkan,” dengan perkataan “apabila dibenarkan, pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 4 Jadual Ketiga,”; dan
- (c) dengan memotong perenggan (12).

**Pemotongan undang-undang kecil 34, 35 dan 39**

19. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 34, 35 dan 39.

**Pindaan undang-undang kecil 41**

20. Perenggan 41(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga puluh enam jam” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “dua puluh empat jam”.

**Pindaan undang-undang kecil 42**

21. Undang-undang kecil 42 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(d), dengan memasukkan selepas perkataan “Jadual Ketiga;” perkataan “dan”;
- (b) dengan memotong subperenggan (1)(e); dan
- (c) dalam subperenggan (1)(f), dengan menggantikan perkataan “butiran 4” dengan perkataan “butiran 3”.

**Pindaan undang-undang kecil 46**

22. Undang-undang kecil 46 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (a) hingga (d) dengan subperenggan yang berikut:

- “(a) caj bagi penukaran pemilikan kontena pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 21 Jadual Ketiga;
- (b) caj bagi penukaran status kontena pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 21 Jadual Ketiga;
- (c) caj bagi angkut letak pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 21 Jadual Ketiga;
- (d) caj bagi menampal kontena koyak atau rosak pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 4 Bahagian 21 Jadual Ketiga; dan
- (e) caj bagi menampal plakad barang berbahaya pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 5 Bahagian 21 Jadual Ketiga.”.

**Pindaan Jadual Pertama**

23. Jadual Pertama kepada Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan Bahagian 1 dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 1  
CAJ MARIN YANG DISATUKAN  
[undang-undang kecil 4]

<i>Butiran</i>	<i>PK Vesel</i>	<i>Enam (6) jam pertama atau sebahagiannya (RM)</i>	<i>Jam berikutnya atau sebahagiannya (RM)</i>
1	Vesel sehingga 80 meter dan kurang	5,040.00	380.00
2	Vesel melebihi 80 meter tetapi tidak melebihi 125 meter	5,600.00	450.00

3	Vesel melebihi 125 meter tetapi tidak melebihi 185 meter	10,400.00	620.00
4	Vesel melebihi 185 meter tetapi tidak melebihi 240 meter	13,200.00	790.00
5	Vesel melebihi 240 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	18,400.00	850.00
6	Vesel melebihi 280 meter	25,900.00	1,040.00

- (b) dalam Bahagian 2, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “RM150.00” dengan perkataan “RM190.00”;
- (c) dalam Bahagian 3, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “RM200.00” dengan perkataan “RM260.00”;
- (d) dalam Bahagian 4, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “RM500.00” dengan perkataan “RM650.00”;
- (e) dengan menggantikan Bahagian 5, 6, 7, 8 dan 9 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 5  
CAJ PERKHIDMATAN KAPAL TUNDA  
[perenggan 8(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Caj perkhidmatan kapal tunda</i>	<i>Setiap kapal tunda (RM)</i>
1	Semua vesel di dermaga Lembaga	10.40 bagi setiap meter PK setiap jam atau sebahagian daripadanya
2	Semua vesel di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga	26.00 bagi setiap meter PK setiap jam atau sebahagian daripadanya dari pangkalan ke pangkalan
3	Semua vesel yang disimpan tunggu	<i>Bagi setiap meter PK setiap jam atau sebahagian daripadanya dari pangkalan ke pangkalan (RM)</i>
	(a) Vesel sehingga 200 meter PK	26.00
	(b) Vesel melebihi 200 meter PK	30.00

4	Semua vesel dalam kategori lain termasuklah pelantar minyak, kapal mati, kapal yang drafnya melebihi 12 meter, kapal berbentuk tidak teratur atau lain-lain di dermaga Lembaga, di jeti persendirian, dalam Pelabuhan atau bagi tujuan simpan tunggu	35.00 bagi setiap meter PK setiap jam atau sebahagian daripadanya dari pangkalan ke pangkalan
5	Semua vesel yang terlibat dalam aktiviti penyelamatan, aktiviti menyelamatkan atau apa-apa bantuan kecemasan	<i>Bagi setiap meter PK setiap jam atau sebahagian daripadanya dari pangkalan ke pangkalan (RM)</i>
	(a) dalam Pelabuhan	50.00
	(b) luar Pelabuhan	75.00
6	Kerja-kerja memadamkan api, kerja-kerja pencegahan pencemaran di dalam Pelabuhan (tidak termasuk barang guna habis seperti boom minyak, bahan cuci kimia, pemecah minyak, penyerap, pad penyerap, boom penyerap, jentera, perkakasan dan sebagainya)	75.00
7	Kerja-kerja memadamkan api, kerja-kerja pencegahan pencemaran dalam Pelabuhan bagi tujuan latihan	15.00

BAHAGIAN 6  
CAJ PERKHIDMATAN TAMBATAN  
[undang-undang kecil 9]

<i>Butiran</i>	<i>Caj perkhidmatan tambatan</i>	<i>Setiap vesel (RM)</i>
1	Semua vesel  Perkhidmatan tambatan (dengan bot tambatan)	2.25 bagi setiap meter PK setiap operasi
2	Bot Tambatan  (Caj tambahan bagi perkhidmatan bot tambatan di mana-mana dermaga Lembaga di dalam Pelabuhan)	500.00 bagi setiap operasi

**BAHAGIAN 7**  
**CAJ PERKHIDMATAN PEMALIMAN**  
 [undang-undang kecil 10]

<i>Butiran</i>	<i>PK vesel</i>	<i>Bagi setiap meter PK setiap jam setiap pergerakan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel melebihi 15 meter PK yang menghendaki perkhidmatan pemaliman di dermaga Lembaga atau apa-apa vesel bagi sebarang PK yang menghendaki perkhidmatan pemaliman di dermaga Lembaga	5.20
2	Vesel melebihi 15 meter PK yang menghendaki perkhidmatan pemaliman di jeti persendirian atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga	8.40

**BAHAGIAN 8**  
**DIUS PELABUHAN BAGI VESEL MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH APA-APA KARGO ATAU MENGAMBIL ATAU MENURUNKAN PENUMPANG DI TEMPAT BERLABUH DILULUSKAN LEMBAGA ATAU MANA-MANA KAWASAN LAIN DI DALAM PELABUHAN KECUALI DERMAGA LEMBAGA**  
 [subperenggan 11(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>PK Vesel</i>	<i>Bagi setiap meter PK atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel sehingga 15 meter	Tiada
2	Vesel melebihi 15 meter tetapi tidak melebihi 90 meter	3.90
3	Vesel melebihi 90 meter tetapi tidak melebihi 175 meter	11.70
4	Vesel melebihi 175 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	19.50
5	Vesel melebihi 280 meter	32.50

**BAHAGIAN 9**  
**DIUS PELABUHAN BAGI VESEL YANG MENDUDUKI TEMPAT BERLABUH**  
**DILULUSKAN LEMBAGA, SUATU HIMPITAN ATAU MANA-MANA**  
**KAWASAN LAIN DI DALAM PELABUHAN KECUALI DERMAGA LEMBAGA**  
**BAGI MENDAPATKAN BEKALAN MINYAK, MENGAMBIL BEKALAN**  
**KAPAL, MEMBAIKI KEROSAKAN, MENUKAR ANAK KAPAL ATAU**  
**MENYIMPAN TUNGGU**  
 [subperenggan 11(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>PK vesel</i>	<i>Bagi setiap meter PK atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel sehingga 15 meter	Tiada
2	Vesel melebihi 15 meter tetapi tidak melebihi 90 meter	1.90
3	Vesel melebihi 90 meter tetapi tidak melebihi 175 meter	5.80
4	Vesel melebihi 175 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	9.70
5	Vesel melebihi 280 meter	16.20

(f) dengan memotong Bahagian 10;

(g) dengan menggantikan Bahagian 11 dengan bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 11**  
**DIUS SIMPAN TUNGGU**  
 [undang-undang kecil 12]

<i>Butiran</i>	<i>PK bagi setiap vesel</i>	<i>Bagi setiap 30 hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel sehingga 100 meter	9,000.00
2	Vesel melebihi 100 meter tetapi tidak melebihi 150 meter	15,000.00
3	Vesel melebihi 150 meter tetapi tidak melebihi 200 meter	30,000.00
4	Vesel melebihi 200 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	60,000.00
5	<i>Very Large Crude Carrier (VLCC)</i> atau vesel melebihi 280 meter	90,000.00
6	Pelantar minyak ( <i>jack-up</i> )	25,000.00

7	Pelantar minyak ( <i>semi-submersible</i> )	45,000.00	”;
---	---	-----------	----

(h) dengan memasukkan selepas Bahagian 11 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 11A  
DIUS TEMPAT BERLABUH BAGI SESUATU VESEL DI TEMPAT BERLABUH  
DILULUSKAN LEMBAGA  
[undang-undang kecil 12A)

Butiran	Dius tempat berlabuh	<i>Bagi setiap hari kalendar atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
1	Caj bagi penggunaan boya tambatan  (a) Tiga (3) hari pertama (b) Hari keempat dan seterusnya	  150.00 300.00	
2	Caj bagi tempoh sementara untuk vesel yang tidak terhad bagi mendapatkan bekalan minyak, menjalani pembaikan, mendapatkan bekalan dan menukar krew		
	(a) PK vesel sehingga 100 meter	300.00	
	(b) PK vesel melebihi 100 meter tetapi tidak melebihi 150 meter	500.00	
	(c) PK vesel melebihi 150 meter tetapi tidak melebihi 200 meter	1,000.00	
	(d) PK vesel melebihi 200 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	2,000.00	
	(e) <i>Very Large Crude Carrier</i> (VLCC) atau vesel melebihi 280 meter	3,000.00	
	(f) Pelantar minyak ( <i>jack-up</i> )	3,000.00	
	(g) Pelantar minyak ( <i>semi-submersible</i> )	3,000.00	”;



- (i) dengan menggantikan Bahagian 12 dan 13 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 12  
CAJ DOKEJ  
[perenggan 13(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo/penumpang</i>	<i>Bagi setiap meter bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya bagi setiap vesel (RM)</i>
1	Kargo am	1.40
2	Kargo pukal cecair	3.20
3	Kargo pukul kering	3.20
4	Kontena dan kargo ro-ro	1.30
5	Barang berbahaya	4.50
6	Penumpang	3.20

BAHAGIAN 13  
CAJ PEMBATALAN BAGI MEMBATALKAN TEMPAT HIMPITAN YANG  
DIPERUNTUKKAN DI TERMINAL PUKAL DAN PECAH PUKAL  
[undang-undang kecil 14]

<i>Butiran</i>	<i>Caj pembatalan</i>	<i>Bagi setiap vesel (RM)</i>
1	Membatalkan tempahan tempat himpitan yang telah diperuntukkan kurang daripada 24 jam notis	200.00

”;

- (j) dalam Bahagian 14, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “0.50” dengan perkataan “0.60”;

(k) dengan menggantikan Bahagian 15, 16 dan 17 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 15  
CAJ PEMUNGGAH KARGO BAGI MEMUATKAN ATAU  
MEMUNGGAH KARGO IMPORT ATAU EKSPORT  
[subperenggan 16(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (dengan peralatan pemuatan atau pemunggaan dan forklift di dalam hac kapal) (RM)</i>
1	Kargo yang dipaletkan atau diunitkan	8.00
2	Kargo dalam berkas, beg, tong atau bendela	14.00
3	Keluli mudah bentuk atau palang keluli	13.00
4	Gegelung eluli	15.00
5	Konkrit, keluli atau logam lain	30.00
6	Plat Keluli	28.50
7	Barang berbahaya	18.00
		<i>(tanpa peralatan pemuatan atau pemunggaan dan forklift di dalam hac kapal) (RM)</i>
8	Kenderaan dua tan dan kurang	58.50 bagi setiap unit
9	Kenderaan melebihi dua tan	58.50 bagi setiap unit
	Caj tambahan bagi setiap unit bagi setiap satu tan berikutnya	8.00 bagi setiap unit
10	Lain-lain/ Kargo projek	10.00 bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya

BAHAGIAN 16  
CAJ PEMUNGGAH KARGO BAGI MENGALIHKAN KARGO IMPORT ATAU  
EKSPORT  
[subperenggan 16(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Mengalihkan kargo pada aras yang sama dalam petak yang sama	5.80
2	Mengalihkan kargo dalam petak yang sama dari satu aras ke satu aras yang lain	11.70
3	Mengalihkan kargo dari satu petak ke petak yang lain	14.50

BAHAGIAN 17  
CAJ PEMUNGGAH KARGO BAGI MENUNGGU SEDIA TETAPI  
TIDAK BEKERJA DAN PEMBATALAN TEMPAHAN  
[subperenggan 16(1)(c) dan perenggan 16(4)]

<i>Butiran</i>	<i>Pemungkah kargo menunggu sedia</i>	<i>Bagi setiap kumpulan (RM)</i>
1	Pemungkah kargo menunggu sedia tetapi tidak bekerja	420.00
2	Pembatalan tempahan pemungkah kargo kurang daripada 3 jam notis	420.00

- (1) dalam Bahagian 18, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “30.00” dengan perkataan “39.00”;

- (m) dengan menggantikan Bahagian 19 hingga 30 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 19  
CAJ RO-RO BAGI MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH  
KENDERAAN (TERMASUK PEMANDU)  
[perenggan 17(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Kenderaan</i>	<i>Bagi setiap unit setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Kenderaan 5 tan dan kurang	26.00
2	Kenderaan melebihi 5 tan tetapi tidak melebihi 10 tan	52.00
3	Kenderaan melebihi 10 tan	104.00

BAHAGIAN 20  
CAJ RO-RO BAGI MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH KARGO  
(TERMASUK PEMANDU DAN TRAKTOR TERMINAL)  
[perenggan 17(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Semua jenis kargo	2.60

BAHAGIAN 21  
CAJ RO-RO BAGI MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH KONTENA  
(TERMASUK PEMANDU DAN TRAKTOR TERMINAL)  
[perenggan 17(c)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>
1	Memuatkan atau memungggah kontena dengan menggunakan tanjakan vesel	39.00

BAHAGIAN 22  
CAJ PENUMPANG  
[undang-undang kecil 18]

<i>Butiran</i>	<i>Penumpang yang naik atau turun di dermaga Lembaga</i>	<i>Bagi setiap penumpang (RM)</i>
1	Dewasa (lebih daripada 12 tahun)	5.50
2	Kanak-kanak (12 tahun dan ke bawah)	3.00

BAHAGIAN 23  
CAJ PENGENDALIAN BAGI KONTENA YANG MENGGUNAKAN KREN  
PELABUHAN  
[subperenggan 19(1)(a) dan perenggan 48(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Status Kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang (RM)</i>
1	Kontena bermuatan (Import/Eksport)			
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	284.00	408.00	442.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	304.00	453.00	491.00
2	Kontena kosong (Import/Eksport)			
	(a) Kontena biasa	206.00	317.00	343.00
3	Pindah kapal (masuk/keluar)			
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	128.00	187.00	202.00

	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	187.00	278.00	301.00
--	---	--------	--------	--------

**BAHAGIAN 24**  
**CAJ PENGENDALIAN BAGI KONTENA YANG MENGGUNAKAN**  
**KREN VESEL**  
 [subperenggan 19(1)(b)]

Butiran	Status Kontena	Bagi setiap kontena		
		20 kaki panjang (RM)	40 kaki panjang (RM)	Melebihi 40 kaki panjang (RM)
1	Kontena bermuatan (Import/Eksport)			
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	221.00	266.00	289.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	299.00	448.00	486.00
2	Kontena kosong (Import/Eksport)	188.00	253.00	338.00
3	Pindah kapal (masuk/keluar)			
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	78.00	117.00	126.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	182.00	273.00	296.00
	(c) Kontena kosong	78.00	117.00	126.00

BAHAGIAN 25  
CAJ PENGENDALIAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA  
DALAM RUANG YANG SAMA  
[subperenggan 20(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena setiap angkut dalam ruang yang sama</i>
		<i>(RM)</i>
1	Pengalihan menggunakan kren Pelabuhan	
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III, kontena kosong atau kotak gear	75.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	110.00

BAHAGIAN 26  
CAJ PENGENDALIAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DARI  
RUANG KE RUANG ATAU PETAK KE PETAK  
[subperenggan 20(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena setiap angkut</i>
		<i>Dari ruang ke ruang/petak ke petak</i> <i>(RM)</i>
1	Pengalihan menggunakan kren Pelabuhan	
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III, kontena kosong atau kotak gear	145.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	200.00

BAHAGIAN 27  
CAJ PENGENDALIAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DLU ATAU  
KONTENA ROSAK DALAM RUANG YANG SAMA  
[subperenggan 20(1)(c)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena setiap angkut</i>
		<i>Dari ruang yang sama (RM)</i>
1	Pengalihan menggunakan kren Pelabuhan	
	(a) 15 tan dan kurang	118.00
	(b) Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	156.00
	(c) Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	196.00
	(d) Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	235.00
	(e) Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	273.00
	(f) Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	308.00
2	Pengalihan menggunakan kren vesel	
	(a) 15 tan dan kurang	130.00
	(b) Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	171.00
	(c) Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	215.00
	(d) Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	258.00
	(e) Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	300.00
	(f) Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	339.00



BAHAGIAN 28  
CAJ PENGENDALIAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DLU ATAU  
KONTENA ROSAK DARI RUANG KE RUANG ATAU PETAK KE PETAK  
[subperenggan 20(1)(d)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena setiap pengangkutan</i>
		<i>Dari ruang ke ruang / petak ke petak (RM)</i>
1	Pengalihan menggunakan kren Pelabuhan	
	(a) 15 tan dan kurang	236.00
	(b) Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	312.00
	(c) Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	392.00
	(d) Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	470.00
	(e) Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	546.00
	(f) Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	616.00
2	Pengalihan menggunakan kren vesel	
	(a) 15 tan dan kurang	260.00
	(b) Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	343.00
	(c) Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	431.00
	(d) Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	517.00
	(e) Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	600.00
	(f) Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	678.00

**BAHAGIAN 29**  
**CAJ PENGENDALIAN BAGI MEMBUKA ATAU**  
**MENUTUP PENUTUP HAC ATAU KOTAK GEAR**  
 [subperenggan 20(1)(e)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap hac/kotak gear (RM)</i>
1	Membuka atau menutup penutup hac atau kotak gear	
	(a) Menggunakan kren Pelabuhan	169.00
	(b) Menggunakan kren vesel	195.00

**BAHAGIAN 30**  
**CAJ PENGENDALIAN BAGI MENGANGKAT**  
**KARGO TIDAK BERKONTENA**  
 [subperenggan 20(1)(f)]

<i>Butiran</i>	<i>Tanan kargo</i>	<i>Bagi setiap angkut (RM)</i>
1	(a) Kargo 15 tan dan kurang	312.00
	(b) Kargo melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	910.00

"; dan

(n) dengan memasukkan selepas Bahagian 31 bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 32**  
**CAJ PENGENDALIAN BAGI KONTENA DLU, KONTENA**  
**ROSAK ATAU KONTENA BUKAN BERSTANDARD ISO PINDAH KAPAL**  
 [perenggan 21A(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Setiap Kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang</i>	<i>40 kaki panjang</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang</i>
1	Pindah kapal menggunakan kren Pelabuhan	480.00	710.00	710.00

”.

**Pindaan Jadual Kedua**

24. Jadual Kedua kepada Undang-Undang Kecil itu dipinda –

- (a) dengan memotong Bahagian 1 dan 2;
- (b) dalam Bahagian 3, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “4.40” dengan perkataan “5.70”;
- (c) dalam Bahagian 4, dalam butiran 2, dengan menggantikan perkataan “8.00” dengan perkataan “10.40”;
- (d) dengan menggantikan Bahagian 5, 6 dan 7 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 5  
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL DAN PECAH PUKAL IMPORT  
[subperenggan 26(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Bagi tiga hari yang pertama	Tiada	Tiada
2	Bagi hari yang keempat atau sebahagian daripadanya	1.90	0.90
3	Bagi hari kelima hingga hari keempat belas, bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	0.60	0.30
4	Bagi minggu yang ketiga dan minggu-minggu berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	9.10	5.20

**BAHAGIAN 6**  
**CAJ PENYIMPANAN BAGI IMPORT BARANG BERBAHAYA KUMPULAN III**  
 [subperenggan 26(1)(c)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Bagi tiga hari yang pertama	2.90
2	Bagi hari keempat hingga hari keempat belas, bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	3.90
3	Bagi minggu ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	13.60

**BAHAGIAN 7**  
**CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL DAN PECAH PUKAL EKSPORT**  
 [subperenggan 26(1)(d)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Bagi enam hari yang pertama	Tiada	Tiada
2	Bagi hari yang ketujuh atau sebahagian daripadanya	1.90	0.90
3	Bagi hari kelapan hingga hari keempat belas, bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	0.60	0.30
4	Bagi minggu yang ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	7.10	3.50

(e) dalam Bahagian 8—

- (i) dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “2.25” dengan perkataan “2.90”;

- (ii) dalam butiran 2, dengan menggantikan perkataan “3.00” dengan perkataan “3.90”; dan
- (iii) dalam butiran 3, dengan menggantikan perkataan “8.25” dengan perkataan “10.70”;
- (f) dalam Bahagian 9, dalam butiran 2, dengan menggantikan perkataan “4.00” dengan perkataan “5.20”;
- (g) dengan menggantikan Bahagian 10 dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 10  
CAJ PENYIMPANAN BAGI KENDERAAN  
[subperenggan 26(1)(g)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kenderaan / tanan kenderaan</i>	<i>Bagi setiap kenderaan bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Kenderaan sehingga dua tan	5.20	2.60
2	Kenderaan lebih daripada dua tan	6.50	3.90
3	Motosikal, skuter, basikal, basikal beroda tiga dan kereta sorong	1.90	1.30

- (h) dalam Bahagian 11, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “1.50” dan “0.75” masing-masing dengan perkataan “1.90” dan “0.90”;
- (i) dalam Bahagian 12, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “3.50” dengan perkataan “4.50”;
- (j) dalam Bahagian 13, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “0.50” dengan perkataan “0.70”;

(k) dengan menggantikan Bahagian 14 dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 14  
CAJ PENGENDALIAN BAGI KARGO PUKAL KERING, KARGO PECAH  
PUKAL DAN KARGO PUKAL CECAIR  
[subperenggan 28(1)(a) dan (b)]

<i>Butiran</i>	<i>Kelengkapan pengendalian kargo pukat</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
A	Kargo pukat kering (penghantaran langsung)	
1	Menggunakan kren sahaja (dengan lori)	
	(a) Klinker dan bijirin	14.00
	(b) Lain-lain (kargo pukat kering)	15.50
2	Menggunakan kren dan sistem pengangkut atau sistem paip sahaja	
	(a) Klinker dan bijirin	14.00
	(b) Lain-lain (kargo pukat kering)	18.00
3	Menggunakan kren kapal termasuk cekau dan corong	
	(a) Klinker dan bijirin	12.00
	(b) Lain-lain (kargo pukat kering)	13.00
4	Pindah kapal menggunakan kren sahaja (dengan lori)	
	(a) Klinker dan bijirin	13.00
	(b) Lain-lain (kargo pukat kering)	14.50
5	Pindah kapal menggunakan kren dan sistem pengangkut atau sistem paip sahaja	
	(a) Klinker dan bijirin	13.00
	(b) Lain-lain (kargo pukat kering)	17.00

B	Kargo pecah pukal	<i>Penghantaran langsung</i>	<i>Penghantaran tidak langsung</i>
		<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Import dan Eksport		
	(a) Kargo dipaletkan atau kargo diunitkan	5.50	7.00
	(b) Kargo dalam bendela atau dalam berkas atau kayu gergaji	5.00	9.50
	(c) Konkrit, keluli atau logam lain	6.50	9.50
	(d) Kargo yang dibegkan	5.50	8.00
	(e) Kargo dalam tong	5.50	7.00
	(f) Lain-lain kargo pecah pukal	8.50	11.50
2	Pindah kapal	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
	(a) Kargo dipaletkan atau kargo diunitkan	4.00	
	(b) Kargo dalam bendela atau dalam berkas atau kayu gergaji	5.00	
	(c) Konkrit, keluli atau logam lain	5.00	
	(d) Kargo yang dibegkan	4.50	
	(e) Kargo dalam tong	4.00	
	(f) Lain-lain kargo pecah pukal	6.00	
C	Kargo pukal cecair	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
	1 Menggunakan lengan punggung muat	0.50	
	2 Import dan Eksport		
	(a) Kargo pukal cecair (boleh dimakan)	3.50	
	(b) Kargo pukal cecair (tidak boleh dimakan)		

	(i) Kumpulan I	6.00
	(ii) Kumpulan II	5.00
	(iii) Kumpulan III	4.50
3	Pindah kapal	
	(a) Kargo pukal cecair (boleh dimakan)	3.00
	(b) Kargo pukal cecair (tidak boleh dimakan)	
	(i) Kumpulan I	3.00
	(ii) Kumpulan II	3.00
	(iii) Kumpulan III	2.50

(l) dengan memotong Bahagian 15; dan

(m) dengan memasukkan selepas Bahagian 15 sebagaimana yang dipotong bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 16  
CAJ PENGENDALIAN BAGI PENGIMPORAN ATAU PENGEKSPORTAN  
BAGI KONTENA DLU, KONTENA ROSAK  
ATAU KONTENA BUKAN BERSTANDARD ISO  
[undang-undang kecil 28A]

Butiran	Tanan kontena	Import / Eksport bagi setiap kontena (RM)
1	Import/Eksport	550.00



**Pindaan Jadual Ketiga**

25. Jadual Ketiga kepada Undang-Undang Kecil itu dipinda—

(a) dengan menggantikan Bahagian 1 dengan bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 1  
CAJ JAMBATAN TIMBANG DAN PENIMBANGAN  
[undang-undang kecil 30]**

<i>Butiran</i>	<i>Status lori</i>	<i>Bagi setiap lori (RM)</i>
1	Lori kosong	4.00
2	Lori dengan muatan kargo pukal dan pecah pukal	8.00

”;

(b) dengan memotong Bahagian 2 dan 3;

(c) dengan menggantikan Bahagian 4 dengan bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 4  
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA  
[undang-undang kecil 32 dan perenggan 44(3) dan (4)]**

<i>Butiran</i>	<i>Jenis Kontena</i>	<i>Bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang (RM)</i>
1	(a) Kontena bermuatan atau kosong atau kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III (import)			
	Bagi lima hari pertama	Tiada	Tiada	Tiada
	Bagi hari keenam	55.00	80.00	80.00
	Bagi hari ketujuh sehingga hari kesepuluh	8.00	16.00	16.00

	Bagi hari kesebelas sehingga hari kelima belas	10.00	18.00	18.00
	Bagi hari keenam belas sehingga hari kedua puluh	12.00	20.00	20.00
	Bagi hari kedua puluh satu dan selanjutnya	20.00	36.00	36.00
	(b) Kontena bermuatan atau kontena kosong atau kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III (eksport)			
	Bagi lima hari pertama	Tiada	Tiada	Tiada
	Bagi hari keenam	10.00	20.00	20.00
	Bagi hari ketujuh dan selanjutnya	4.00	8.00	8.00
	(c) Kontena bermuatan atau kontena kosong atau kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III (pindah kapal)			
	Bagi dua puluh satu hari pertama	Tiada	Tiada	Tiada
	Bagi hari kedua puluh dua	10.00	20.00	20.00
	Bagi hari kedua puluh tiga dan seterusnya	4.00	8.00	8.00
2	Kontena DLU atau kontena rosak (import/eksport)			
	Bagi lima hari pertama	Tiada	Tiada	Tiada
	Bagi hari keenam dan selanjutnya	18.00	36.00	36.00

3	Caj penyimpanan bagi barang berbahaya (Kumpulan I & II) yang diluluskan oleh Lembaga bagi tujuan penyimpanan di lapangan kontena tanpa tempoh penyimpanan percuma	18.00	36.00	36.00
4	Casis treler	<i>Setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	
		3.00	6.00	

(d) dengan menggantikan Bahagian 5 dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 5  
CAJ BAGI PERKHIDMATAN KONTENA SEJUK  
[undang-undang kecil 33]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>
1	Pemasangan atau pemotongan bekalan elektrik di atas vesel	19.00
2	Pemasangan atau pemotongan bekalan elektrik di blok sejuk Pelabuhan	19.00
3	Pemeriksaan pra-perjalanan	130.00
4	Perkhidmatan sejuk di atas vesel (bagi kontena yang telah berada di atas vesel)	195.00
5	Perkhidmatan memantau kontena sejuk di blok sejuk Pelabuhan	14.00 setiap syif
6	Fi pemeriksaan kontena sejuk di blok sejuk Pelabuhan	19.00 setiap pemeriksaan

(e) dengan memotong Bahagian 6, 7 dan 8;

- (f) dengan menggantikan Bahagian 9, 10 dan 11 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 9  
CAJ BAGI PENGALIHAN KONTENA KE RUANGAN PEMERIKSAAN KASTAM  
[undang-undang kecil 36]**

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Pengalihan kontena ke Ruangan Pemeriksaan Kastam dalam terminal kontena	80.00	100.00	120.00

**BAHAGIAN 10  
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA DI RUANGAN PEMERIKSAAN  
KASTAM  
[perenggan 37(1)]**

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Caj penyimpanan bagi kontena yang disimpan di Ruangan Pemeriksaan Kastam	13.00	19.50	21.00

**BAHAGIAN 11  
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA DI SBK  
[perenggan 38(1)]**

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Caj penyimpanan bagi kontena yang disimpan di SBK	13.00	19.50	21.00

”;

- (g) dengan memotong Bahagian 12;
- (h) dengan menggantikan Bahagian 13 hingga 16 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 13  
CAJ PENGENDALIAN SBK BAGI KARGO IMPORT ATAU EKSPORT  
[subperenggan 40(a)]**

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Pengendalian kargo import atau eksport di SBK	280.00	400.00	450.00
2	Caj tambahan kepada butiran 1 bagi mengisi tanah liat secara pukal dengan menggunakan penyodok	30.00	60.00	60.00

**BAHAGIAN 14  
CAJ PENGENDALIAN SBK BAGI KARGO YANG TIDAK DIEKSPORT  
[subperenggan 40(b)]**

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap tan metrik atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Pengendalian kargo yang tidak dieksport (a) Dipaletkan/diunitkan	6.60
	(b) Kargo dalam bandela atau dalam berkas, kayu gergaji	7.00
	(c) Konkrit, keluli	8.80
	(d) Kargo yang dibegkan	7.40
	(e) Kargo dalam tong	6.60
	(f) Barang berbahaya Kumpulan III	13.20
		<i>Bagi setiap unit</i>

	<i>(g)</i> Kenderaan dua tan dan kurang	51.50
	<i>(h)</i> Kenderaan melebihi dua tan	66.10
		<i>Bagi setiap tan metrik atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
	<i>(i)</i> Kargo kering yang lain	11.00

BAHAGIAN 15  
CAJ SBK BAGI PENGHANTARAN LEWAT KARGO, PENERIMAAN LEWAT  
ARAHAN PENGISIAN DAN PELEPASAN LEWAT DARIPADA  
PIHAK BERKUASA ZON BEBAS DAN KASTAM  
[undang-undang kecil 41]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>		
		<i>20 kaki panjang</i>	<i>40 kaki panjang</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas</i>
1	Menerima kargo pecah pukal bagi pengisian kurang daripada 24 jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik	55.00	90.00	90.00
2	Menerima arahan pengisian kurang daripada 12 jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik	55.00	90.00	90.00
3	Menerima pelepasan daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas atau Kastam bagi kontena KMK dan KMP kurang daripada 12 jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik	55.00	90.00	90.00

BAHAGIAN 16  
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO DI SBK  
[subperenggan 42(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Setiap tanan setiap hari atau sebahagian daripadanya</i>	
		<i>Gudang (RM)</i>	<i>Tempat simpanan terbuka (RM)</i>
1	Kargo pukal atau pecah pukal		
	(a) Barang tidak berbahaya KMP atau KMP eksport		
	(i) hari kelapan hingga hari keempat belas	6.00	3.00
	(ii) minggu ketiga	12.00	6.00
	(iii) selepas minggu ketiga	19.00	9.00
	(b) Barang tidak berbahaya KMP atau KMK import		
	(i) hari keempat hingga hari keempat belas	6.00	3.00
	(ii) minggu ketiga	16.00	8.00
	(iii) selepas minggu ketiga	22.00	11.00
2	(a) Penyimpanan barang berbahaya Kumpulan III import		
	(i) tiga hari yang pertama apabila dikeluarkan isi dari kontena		3.00
	(ii) hari keempat hingga hari keempat belas bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya		4.00
	(iii) minggu ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya bagi setiap minggu		13.00

	atau sebahagian daripadanya		
	(b) Penyimpanan barang-barang berbahaya Kumpulan III eksport		
	(i) enam hari yang pertama apabila diterima di SBK	3.00	
	(ii) hari ketujuh sehingga hari keempat belas bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	4.00	
	(iii) minggu ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	10.00	
		<i>Bagi setiap kenderaan/bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	<i>Bagi setiap kenderaan/bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
3	Kenderaan		
	(a) kenderaan sehingga dua tan	5.00	3.00
	(b) kenderaan yang melebihi dua tan	6.50	4.00

- (i) dalam Bahagian 17, dalam butiran 1, dengan menggantikan perkataan “4.40” dengan perkataan “5.70”; dan



- (j) dengan menggantikan Bahagian 18 hingga 21 masing-masing dengan bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN 18  
CAJ MASA PENUTUPAN BAGI PENERIMAAN KONTENA  
EKSPORT DI TERMINAL KONTENA  
[undang-undang kecil 43]**

<i>Butiran</i>	<i>Caj masa penutupan</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Penerimaan kontena di terminal kontena kurang daripada lapan jam dari jangkaan masa ketibaan vesel	55.00	90.00	90.00

**BAHAGIAN 19  
CAJ KONTENA YANG DITINGGALKAN  
KAPAL DAN PENUKARAN VESEL  
[undang-undang kecil 44]**

<i>Butiran</i>	<i>Ditinggalkan kapal atau penukaran vesel</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Kontena yang diterima tetapi tidak dikapalkan atas pelayaran asal vesel yang dilantik tetapi sebaliknya dikapalkan melalui pelayaran vesel yang lain	55.00	90.00	90.00
2	Kontena diambil semula oleh pekapal	110.00	180.00	180.00

**BAHAGIAN 20**  
**CAJ PEMUATAN KONTENA TAMBAHAN**  
 [undang-undang kecil 45]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>		
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang (RM)</i>	<i>Melebihi 40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
